



CUKAI PERKHIDMATAN 2018

PANDUAN : PERKHIDMATAN PEKERJAAN

(Versi 4)

Diterbitkan oleh :

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri
Putrajaya**

9 Jun 2026

Penerbitan

Tarikh: 9 Jun 2026.

Panduan Perkhidmatan Pekerja pada 14 Mei 2024 ditarik balik dan digantikan dengan Panduan Perkhidmatan Pekerja yang disemak semula pada 9 Jun 2026.

Notis Hakcipta

Hak Cipta 2026 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Cukai Perkhidmatan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JDKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari Panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

Pengenalan	1
Terminologi	1
Pengenalan dan Skop Cukai Perkhidmatan	3
Operasi Industri Secara Umum	3
Skop Perkhidmatan Pekerjaan.....	3
Jenis Penyedia Perkhidmatan Pekerjaan.....	4
Layanan Cukai Perkhidmatan ke Atas Perkhidmatan Pekerjaan	4
Perkhidmatan Pekerjaan Yang Bercukai	5
Perkhidmatan Pekerjaan Yang Tidak Bercukai	8
Penentuan Nilai Yang dikenakan Cukai Perkhidmatan.....	10
Cukai Perkhidmatan Genap Masa.....	11
Pendaftaran dan Tanggungjawab Orang Berdaftar.....	12
Soalan – Soalan Lazim	13
Pertanyaan	18
Bantuan dan Maklumat Lanjut mengenai SST	18

PENGENALAN

1. Cukai perkhidmatan adalah cukai kepenggunaan yang ditadbir oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (ACP 2018) dan perundangan subsidiarinya berkuat kuasa pada 1 September 2018.
2. Cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan dan dilevikan ke atas:
 - (i) Mana-mana perkhidmatan bercukai yang diberikan di Malaysia oleh orang berdaftar dalam menjalankan perniagaannya; atau
 - (ii) Mana-mana perkhidmatan bercukai diimport (berkuat kuasa 1 Januari 2019).
3. Perkhidmatan bercukai adalah merujuk kepada senarai perkhidmatan yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 (PPCP 2018).
4. Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan bercukai melebihi jumlah nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan dikehendaki berdaftar di bawah ACP 2018. Orang berdaftar hendaklah mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai yang disediakan kepada pelanggannya.
5. Panduan ini disediakan untuk membantu pihak industri memahami layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan pekerja.

TERMINOLOGI

6. Perkataan-perkataan berikut mempunyai makna berikut di dalam panduan ini melainkan jika terdapat maksud yang berlainan:
 - (i) **"Pekerjaan"** adalah suatu perhubungan di antara dua pihak, secara umumnya ia berdasarkan kepada kontrak di mana pekerjaan itu dibayar, di mana satu pihak, yang mungkin adalah sebuah perbadanan, untuk keuntungan, organisasi bukan keuntungan, koperasi atau entiti

lain adalah majikan dan yang satu lagi adalah pekerja.

- (ii) **“Pekerja”** ertinya mana-mana orang yang telah memasuki atau bekerja di bawah suatu kontrak perkhidmatan dengan seorang majikan, sama ada kontrak tersebut dibuat secara bertulis atau lisan, dan sama ada nyata atau tersirat.
- (iii) **“Majikan”** ertinya mana-mana orang yang telah memasuki suatu kontrak perkhidmatan untuk mengambil bekerja seseorang pekerja, dan termasuk mana-mana orang yang bertindak bagi pihak majikan.
- (iv) **“Penyedia perkhidmatan pekerjaan”** ertinya mana-mana orang yang menjalankan perniagaan menyediakan perkhidmatan pekerjaan kepada pelanggan sama ada secara tetap atau kontrak.
- (v) **“Pelanggan”** ertinya mana-mana orang yang menerima perkhidmatan pekerjaan daripada penyedia perkhidmatan pekerjaan.
- (vi) **“Kawasan Ditetapkan”** (KD) ertinya Labuan, Langkawi, Tioman, Pangkor dan Pulau 1 [Seksyen 2, Akta Cukai Perkhidmatan 2018];
- (vii) **“Kawasan Khas”** (KK) ertinya mana-mana zon bebas, gudang berlesen dan gudang pengilangan berlesen, Kawasan Pembangunan Bersama, dan pangkalan bekalan petroleum yang dilesenkan di bawah seksyen 77B Akta Kastam 1967 [Seksyen 2, Akta Cukai Perkhidmatan 2018].
- (viii) **“Orang berdaftar”** ertinya orang yang didaftarkan di bawah seksyen 13 atau 14, ACP 2018 [Seksyen 2, Akta Cukai Perkhidmatan 2018];
- (ix) **“Orang kena cukai”** ertinya orang berdaftar atau orang yang bertanggung untuk berdaftar di bawah seksyen 12, ACP 2018 [Seksyen 2, Akta Cukai Perkhidmatan 2018].

PENGENAAN DAN SKOP CUKAI PERKHIDMATAN

7. Berkuat kuasa 1 September 2018, perkhidmatan pekerjaan adalah perkhidmatan bercukai yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah butiran (j), ruang (2), Kumpulan G, Jadual Pertama, PPCP 2018.

8. Mana-mana orang kena cukai dalam ruang (1), Kumpulan G yang mempunyai jumlah nilai perkhidmatan bercukai, sama ada digabungkan atau tunggal, lebih daripada RM 500,000 bagi mana-mana satu perkhidmatan bercukai atau lebih yang dinyatakan dalam ruang (2) Kumpulan itu adalah bertanggung untuk berdaftar di bawah seksyen 13, ACP 2018.

OPERASI INDUSTRI SECARA UMUM

Skop Perkhidmatan Pekerjaan

9. Perkhidmatan pekerjaan meliputi pelbagai perkhidmatan sumber manusia yang disediakan kepada pelanggan, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara-perkara berikut :

- (i) Penyediaan pekerja kepada pelanggan;
- (ii) Penyediaan perkhidmatan pencarian atau penempatan pekerja kepada pelanggan;
- (iii) Penyediaan perkhidmatan membantu majikan mengenal pasti pekerja yang sesuai berdasarkan kelayakan dan kemahiran;
- (iv) Penyediaan perkhidmatan pengurusan sumber manusia;
- (v) Penyediaan apa-apa perkhidmatan lain yang berhubung secara langsung dengan perkhidmatan pekerjaan.

Jenis Penyedia Perkhidmatan Pekerjaan

10. Secara umumnya, jenis penyedia perkhidmatan pekerjaan adalah seperti berikut :

(i) Agensi Penempatan Pekerjaan

Agensi yang mengenal pasti kekosongan pekerjaan, menemuduga pencari kerja, memadankan kelayakan dan kemahiran pencari kerja mengikut kehendak majikan untuk pekerjaan tertentu dan penempatan pekerja secara tetap.

(ii) Agensi Pekerjaan Sementara

Agensi yang menyediakan pekerja secara kontrak bagi suatu tempoh masa yang terhad kepada pelanggan yang memerlukan tambahan tenaga kerja.

(iii) Agensi Pencarian Eksekutif

Agensi yang menyediakan perkhidmatan carian dan pengambilan pekerja bagi jawatan eksekutif dan pengurusan kanan berdasarkan keperluan khusus pelanggan.

(iv) Organisasi Majikan Profesional (*Professional Employer Organisation – PEO*)

Organisasi majikan profesional yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sumber manusia dan sumber manusia kepada pelanggan mereka.

LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PERKHIDMATAN PEKERJAAN

11. Penyediaan perkhidmatan pekerjaan adalah pemberian semua jenis perkhidmatan pekerjaan, **tidak termasuk**:

- (i) Pemberian perkhidmatan pekerjaan dalam bentuk penempatan secara sementara;
- (ii) Penyediaan perkhidmatan pekerjaan untuk pekerjaan di luar Malaysia.

12. Penyedia perkhidmatan pekerjaan di dalam KD dan KK adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan jika tempat perniagaan utama (TPU) penyedia perkhidmatan pekerjaan tersebut berada di dalam KD atau KK dan diberikan kepada pelanggan di dalam KD atau KK.

Perkhidmatan Pekerjaan Yang Bercukai

13. Perkhidmatan pekerjaan yang **tertakluk kepada cukai perkhidmatan** adalah seperti berikut (senarai adalah tidak terhad):

- (i) **Apa-apa perkhidmatan menyediakan perkhidmatan pekerjaan secara tetap kepada majikan.**

Contoh 1

ABC Sdn Bhd menyediakan 100 orang pekerja kepada kilang secara bulanan. Oleh itu, ABC Sdn Bhd akan mengenakan caj atau fi perkhidmatan pekerjaan kepada kilang tersebut bagi perkhidmatan pekerjaan yang disediakan.

- (ii) **Membekalkan pekerja kepada pelanggan mengikut kadar tertentu.**

Contoh 2

AX Construction Sdn Bhd menyediakan pekerja kepada TT Construction Sdn Bhd bagi projek pembinaan di Kepong, Kuala Lumpur. AX Construction Sdn Bhd mengenakan caj bayaran berdasarkan bilangan jam kerja secara harian bagi menyediakan pekerja kepada TT Construction Sdn Bhd. Oleh itu, jumlah keseluruhan kos pekerja berdasarkan bilangan jam kerja secara harian tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 3

PQR Engineering Sdn Bhd menyediakan pekerja untuk menyusun semula mesin dan peralatan kilang bagi satu tempoh tertentu. PQR Engineering Sdn Bhd mengenakan fi kepada kilang berdasarkan kadar gaji harian jurutera tersebut. Oleh itu, jumlah fi dan kadar gaji jurutera tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 4

Agensi R membekalkan pekerja ke kilang makanan MM. Bayaran perkhidmatan pekerja adalah berdasarkan bilangan bungkusan makanan yang disiapkan secara harian oleh pekerja Agensi R tersebut. Oleh itu, jumlah bayaran pekerja berdasarkan bilangan bungkusan makanan yang telah disiapkan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

- (iii) Menyediakan perkhidmatan pekerjaan untuk pelanggan yang berada di luar Malaysia untuk pekerjaan yang dilakukan di Malaysia.**

Contoh 5

CC Entertainment (M) Sdn Bhd adalah syarikat yang beroperasi di Malaysia dan menyediakan krew serta pelakon kepada Bollywood Company yang berpusat di London untuk penggambaran filem yang dirakamkan di Malaysia. Oleh itu, caj perkhidmatan pekerjaan bagi krew dan pelakon untuk penggambaran filem yang dirakamkan di Malaysia adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

- (iv) Menyediakan perkhidmatan pekerjaan kepada syarikat lain (pihak ketiga).**

Contoh 6

Syarikat AA yang telah menandatangani kontrak dengan kilang CC bagi pembekalan 200 pekerja. Syarikat AA menghadapi kekurangan pekerja dan meminta BB Tenaga Kerja untuk menyediakan 50 pekerja bagi memenuhi kehendak kontrak tersebut. BB Tenaga Kerja menyediakan pekerja kepada Syarikat AA dan seterusnya Syarikat AA menyediakan pekerja kepada kilang. Penyediaan perkhidmatan oleh BB Tenaga Kerja kepada AA dan AA kepada kilang CC adalah perkhidmatan pekerjaan. Oleh itu, kos pembekalan pekerja oleh AA kepada kilang CC adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

(v) Individu yang sedang mencari kerja melalui agensi pekerjaan.

Contoh 7

Ali mencari pekerjaan di Kuala Lumpur melalui agensi pekerjaan. Agensi pekerjaan tersebut akan mengenakan caj atau fi dan cukai perkhidmatan kepada Ali ke atas perkhidmatan tersebut.

(vi) Majikan melantik agensi pekerjaan untuk merekrut dan menjalankan temuduga pekerja yang berpotensi untuk syarikatnya.

Contoh 8

Syarikat GG melantik Agensi Zu untuk merekrut dan menjalankan sesi temuduga ke atas calon pekerja. Agensi Kerja Zu akan membuat pengiklanan, sesi temuduga dan proses memadankan calon yang berpotensi seperti yang dikehendaki oleh syarikat GG. Perkhidmatan yang disediakan oleh Agensi Zu adalah perkhidmatan pekerjaan. Oleh itu, semua jumlah kos perkhidmatan yang disediakan oleh Agensi Zu adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

(vii) Penyediaan perkhidmatan pekerjaan dari Malaysia ke KK atau KD atau sebaliknya.

Contoh 9

Pengilang TSR di Petaling Jaya, Selangor telah menyediakan pekerja kepada kilang TSS yang terletak di dalam Kawasan Perindustrian Bebas Sungai Way, Petaling Jaya, Selangor yang merupakan Kawasan Khas. Perkhidmatan pekerjaan dari Malaysia ke kawasan khas adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Perkhidmatan Pekerjaan Yang Tidak Bercukai

14. Perkhidmatan pekerjaan berikut adalah tidak termasuk dalam skop cukai perkhidmatan:

(i) Penempatan pekerja secara sementara

Bagi memenuhi maksud penempatan pekerja secara sementara, kesemua syarat berikut hendaklah dipatuhi:

- a) Terdapat kontrak penempatan pekerja secara sementara di antara majikan asal dengan syarikat yang dipinjamkan;
- b) Aktiviti perniagaan majikan asal adalah selain daripada penyediaan perkhidmatan pekerjaan (termasuk agensi pekerjaan dan organisasi majikan profesional) ;
- c) Seorang pekerja dipindahkan buat sementara waktu oleh majikan asal untuk melaksanakan tugas di tempat lain untuk tempoh masa tertentu dan selepas tamat tugasnya pekerja itu kembali kepada majikan yang sama untuk meneruskan pekerjaannya;
- d) Pekerja akan terus bekerja untuk majikan asal dan kesinambungan pekerjaan itu tetap berterusan dan tidak terputus;
- e) Semasa tempoh peminjaman, pekerja tersebut hanya bekerja untuk syarikat yang dipinjamkan;
- f) Syarikat yang dipinjamkan mempunyai kawalan penuh ke atas pekerja tersebut; dan
- g) Gaji dan apa-apa elaun lain (pada nilai kos) akan dibayar oleh syarikat yang dipinjamkan sama ada secara langsung atau tidak langsung dan tiada caj tambahan lain dikenakan.

Contoh 10

Ali adalah seorang akauntan yang bekerja dengan Syarikat ABC. Syarikat ABC menandatangani satu perjanjian penempatan pekerja secara sementara dengan subsidiarinya, iaitu Syarikat DEF, untuk meminjamkan Ali bagi tempoh tiga (3) bulan bagi menguruskan bahagian kewangan Syarikat DEF berikutan akauntan syarikat tersebut sedang bercuti bersalin. Sepanjang tempoh peminjaman tersebut, Ali akan melaksanakan tugas sepenuhnya di bawah kawalan dan penyeliaan Syarikat DEF. Selepas tamat tempoh peminjaman, Ali akan kembali bekerja dengan Syarikat ABC untuk meneruskan pekerjaannya seperti biasa.

Syarikat DEF bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pembayaran gaji, elaun serta semua manfaat pekerjaan lain yang layak diterima oleh Ali. Bagi tujuan pentadbiran, Syarikat ABC akan mendahulukan bayaran gaji Ali dan menuntut semula jumlah gaji dan elaun tersebut daripada Syarikat DEF tanpa sebarang caj tambahan, fi perkhidmatan atau markup. Oleh itu, penempatan pekerja secara sementara ini memenuhi semua syarat penempatan pekerja secara sementara dan tidak termasuk dalam skop cukai perkhidmatan.

(ii) Penyediaan perkhidmatan pekerjaan untuk pekerjaan di luar Malaysia

Contoh 11

HIJ Sdn. Bhd. telah melantik FGH Sdn. Bhd. bagi membekalkan 15 orang pekerja mereka untuk bekerja di syarikat pelantar minyak di Arab Saudi. Memandangkan perkhidmatan pekerjaan tersebut dijalankan di luar Malaysia, penyediaan pekerja tersebut adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

- (iii) **Penyediaan perkhidmatan pekerjaan di antara atau di dalam kawasan khas atau kawasan ditetapkan.**

Contoh 12

Pengilang RST merupakan Gudang Pengilangan Berlesen Seberang Perai, Pulau Pinang yang menyediakan pekerja kepada kilang TST di Kawasan Perindustrian Bebas Seberang Perai, Pulau Pinang. Perkhidmatan pekerjaan dalam kawasan khas adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

PENENTUAN NILAI YANG DIKENAKAN CUKAI PERKHIDMATAN

15. Merujuk kepada Seksyen 9(1)(b), ACP 2018, penentuan cukai ke atas perkhidmatan bercukai adalah ke atas nilai sebenar perkhidmatan bercukai yang disediakan kepada pelanggan. Penentuan nilai sebenar perkhidmatan bercukai bagi perkhidmatan pekerjaan adalah termasuk semua kos pekerja seperti gaji, upah, caruman SOCSO, caruman KWSP serta lain-lain perbelanjaan berhubungan dengan penyediaan perkhidmatan pekerjaan tersebut.

Contoh 13

MNO Sdn Bhd menyediakan pekerja domestik (pembantu rumah tempatan) kepada majikan individu. Caj perkhidmatan yang dikenakan untuk menyediakan pembantu rumah adalah RM8,000. Oleh itu, nilai sebenar perkhidmatan yang disediakan adalah RM8,000 dan cukai perkhidmatan yang dibayar adalah RM640 (RM8000 X 8%).

Contoh 14

JKL Sdn Bhd menyediakan pekerja perladangan kepada majikan untuk bekerja di ladangnya. Caj perkhidmatan yang dikenakan untuk menyediakan pekerja perladangan ialah RM12,000 dan JKL menuntut semula bayaran sebanyak RM940 untuk levi pekerja. Oleh itu, nilai sebenar perkhidmatan yang disediakan adalah RM12,940 dan cukai perkhidmatan yang perlu dibayar adalah RM1,035.20 (RM12940 X 8%).

CUKAI PERKHIDMATAN GENAP MASA

16. Cukai perkhidmatan hendaklah diakaunkan oleh orang berdaftar cukai perkhidmatan kepada JKDM :

- (i) Pada masa pembayaran diterima; atau
- (ii) Pada hari berikutnya selepas tempoh 12 bulan daripada tarikh perkhidmatan pekerjaan diberikan sekiranya tiada bayaran diterima.

Contoh 15

Agensi Pekerjaan RST telah menyediakan pekerja kepada QPN Construction Sdn Bhd pada 2 Oktober 2018 dan menerima pembayaran pada 10 Januari 2019. Agensi Pekerjaan RST hendaklah mengakaunkan cukai perkhidmatan berkenaan mengikut tempoh bercukai Januari-Februari 2019.

Contoh 16

Agensi Pekerjaan RST juga menyediakan pekerja untuk syarikat pengangkutan dan telah mengeluarkan invoice pada 2 September 2018 untuk perkhidmatan yang disediakan. Disebabkan beberapa isu pada sistem penjaan bil invoice, pembayaran masih tertangguh sehingga masalah sistem diselesaikan. Agensi Pekerjaan RST hanya menerima pembayaran pada 3 Mac 2020. Memandangkan pembayaran diterima selepas berakhirnya tempoh 12 bulan, Agensi Pekerjaan RST perlu mengakaunkan cukai perkhidmatan tersebut mengikut tempoh bercukai September-Oktober 2019.

17. Orang berdaftar cukai perkhidmatan hendaklah membuat permohonan secara bertulis daripada Ketua Pengarah tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah untuk menukar asas cukai perkhidmatan menjadi genap masa pada masa invoice dikeluarkan.

PENDAFTARAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR

18. Penyedia perkhidmatan pekerjaan yang jumlah nilai perkhidmatan bercukai melebihi jumlah nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan untuk tempoh 12 bulan melebihi ambang yang ditetapkan bagi perkhidmatan bercukai adalah bertanggungjawab berdaftar di bawah ACP 2018.

19. Orang berdaftar adalah bertanggungjawab untuk:

- (i) Mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai;
- (ii) Mengeluarkan invois dan resit kepada pelanggan berkenaan dengan apa-apa transaksi yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan bercukai;
- (iii) Mengemukakan penyata cukai perkhidmatan SST-02 secara elektronik dan membayar cukai perkhidmatan sebelum tarikh tamat tempoh;
- (iv) Menyimpan rekod yang sewajarnya berhubung dengan transaksi cukai perkhidmatan.

20. Untuk maklumat lanjut mengenai pendaftaran dan tanggungjawab orang berdaftar, sila rujuk **Panduan Umum Cukai Perkhidmatan**.

SOALAN – SOALAN LAZIM

1. S : Bagaimana untuk menjadi orang berdaftar?

J : Penyedia perkhidmatan pekerjaan yang mencapai jumlah perkhidmatan bercukai melebihi RM500,000 hendaklah memohon pendaftaran secara dalam talian dengan mengemukakan borang SST-01 dalam sistem MySST. Jumlah nilai perkhidmatan bercukai adalah gabungan kesemua perkhidmatan bercukai di bawah Kumpulan G, Jadual Pertama, PPCP 2018. Mana-mana orang yang tidak bertanggung berdaftar di bawah seksyen 12, ACP 2018 boleh memohon pendaftaran sukarela kepada Ketua Pengarah untuk didaftarkan sebagai orang berdaftar berdasarkan peruntukan seksyen 14, ACP 2018.

2. S : Bagaimanakah cara menghantar penyata dan membuat bayaran cukai?

J : Orang berdaftar perlu mengemukakan penyata cukai perkhidmatan SST-02 dan membuat bayaran melalui elektronik (MySST) atau pos ke Pusat Pemprosesan Kastam di Kelana Jaya. Kaedah pembayaran sama ada cek atau draf bank. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila rujuk **Panduan Umum Cukai Perkhidmatan**.

3. S : Adakah orang berdaftar perlu mengeluarkan invois untuk perkhidmatan pekerjaan yang diberikan?

J : Ya. Orang berdaftar perlu mengeluarkan invois ke atas semua perkhidmatan pekerjaan yang disediakan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk **Panduan Umum Cukai Perkhidmatan**.

4. S : Bilakah orang berdaftar perlu mengakaunkan cukai perkhidmatan?

J : Orang berdaftar perlu mengakaunkan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan pekerjaan pada masa pembayaran diterima bagi perkhidmatan bercukai yang diberikan. Walau bagaimanapun, jika orang berdaftar telah diluluskan oleh Ketua Pengarah Kastam untuk menggunakan asas invois sebagai asas perakaunan, orang berdaftar perlu mengakaunkan cukai perkhidmatan pada masa tarikh invois dikeluarkan.

5. **S : Bilakah orang berdaftar perlu mengemukakan penyata cukai perkhidmatan dan membuat pembayaran kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)?**
- J : Penyata cukai perkhidmatan dan pembayaran hendaklah dikemukakan kepada JKDM setiap dua bulan mengikut tempoh bercukai yang ditetapkan.
6. **S : Sebagai syarikat induk, adakah syarikat itu perlu mengakaunkan cukai perkhidmatan jika memberikan perkhidmatan pekerjaan percuma kepada anak syarikat induk?**
- J : Ya, syarikat induk adalah penyedia perkhidmatan pekerjaan kepada anak-anak syarikatnya. Cukai perkhidmatan hendaklah diakaunkan ke atas pada nilai sebenar perkhidmatan yang disediakan. Sekiranya syarikat tersebut adalah orang yang berkaitan, cukai perkhidmatan adalah berdasarkan nilai sebenar dalam perjalanan biasa perniagaan kepada orang yang tidak berkaitan.
7. **S : Jika Syarikat DD menyediakan perkhidmatan pekerjaan di mana 15 orang pekerja adalah untuk kerja-kerja di Malaysia dan 10 orang pekerja adalah untuk kerja-kerja di luar Malaysia. Apakah layanan cukai perkhidmatan ke atas situasi tersebut?**
- J : Cukai perkhidmatan hanya dikenakan ke atas perkhidmatan pekerjaan yang disediakan di Malaysia sahaja. Manakala perkhidmatan perkerjaan di luar Malaysia adalah bukan suatu perkhidmatan bercukai.
8. **S : Badan Pengurusan Bersama WE (JMB WE) telah melantik Syarikat Pengurusan QR untuk mengurus dan menyelenggara kondominium Permai bagi menyediakan perkhidmatan pengurusan. Syarikat Pengurusan QR perlu menyediakan pekerja untuk bekerja dan bertindak bagi pihak mereka di pejabat pengurusan JMB WE. Kos pekerja akan dibil semula kepada JMB WE. Adakah perkhidmatan yang diberikan oleh Syarikat Pengurusan QR adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

- J : Ya. Caj pengurusan dan kos pekerja yang dikenakan oleh Syarikat Pengurusan QR kepada JMB WE adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah perkhidmatan pengurusan di butiran (i), ruang (2), Kumpulan G, Jadual Pertama PPCP 2018. Sila rujuk **Panduan Pengurusan** untuk maklumat lanjut.
9. S : **Agensi Pekerjaan JJ menyediakan perkhidmatan latihan kepada pembantu rumah di pusat latihan untuk memastikan pembantu rumah adalah terlatih sebelum dibekalkan kepada majikan. Adakah perkhidmatan latihan itu tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**
- J : Perkhidmatan latihan adalah perkhidmatan bercukai di bawah butiran (g), ruang (2), Kumpulan G, Jadual Pertama PPCP 2018. Walau bagaimanapun, jika perkhidmatan latihan yang diberikan kepada pembantu rumah adalah sebahagian daripada perkhidmatan pekerjaan yang diberikan oleh agensi pekerjaan, maka jumlah nilai keseluruhan caj yang dikenakan kepada majikan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah perkhidmatan pekerjaan sahaja.
10. S : **Adakah bayaran gaji dan emolumen pekerja boleh dianggap sebagai *disbursement* yang tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**
- J : Tidak. Bayaran gaji, emolumen, dan perbelanjaan berkaitan seperti levi, permit kerja, dan insurans pekerja adalah sebahagian daripada nilai perkhidmatan pekerjaan dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan walaupun tuntutan semula dibuat tanpa *mark-up*.
11. S : **Adakah bayaran perkhidmatan pekerjaan yang dikira berdasarkan kadar gaji atau kadar jam pekerja tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**
- J : Ya. Walaupun bayaran perkhidmatan pekerjaan dikira berdasarkan kadar gaji atau kadar jam pekerja, bayaran tersebut tetap dianggap sebagai fi perkhidmatan pekerjaan dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

12. S : Adakah penyedia perkhidmatan pekerjaan layak mendapat pengecualian B2B (*Business-to-Business Exemption*)?

J : Tidak. Pengecualian B2B hanya terpakai kepada perkhidmatan profesional di bawah Kumpulan G dan tidak termasuk perkhidmatan pekerjaan dan perkhidmatan kawalan keselamatan. Oleh itu, penyedia perkhidmatan pekerjaan tidak layak mendapat pengecualian B2B.

13. S : Adakah penyedia perkhidmatan pekerjaan layak untuk mendapat pelepasan kumpulan?

J : Tidak. Perkhidmatan pekerjaan tidak layak mendapat pelepasan kumpulan walaupun perkhidmatan diberikan antara syarikat dalam satu kumpulan yang sama. Pelepasan kumpulan hanya terpakai untuk penyediaan perkhidmatan bercukai di bawah butiran (a), (b), (c), (d), (e), (f), (g), (h), (i), (l) atau (n) dalam ruang (2), Kumpulan G, Jadual Pertama, PPCP 2018.

14. S : Sebuah agensi perkhidmatan pekerjaan mempunyai tempat perniagaan utama (TPU) di Pahang telah berdaftar cukai perkhidmatan dan mempunyai cawangan di Labuan (KD). Syarikat tersebut turut menyediakan perkhidmatan pekerjaan melalui cawangannya di Labuan kepada pelanggan di Labuan. Adakah perkhidmatan pekerjaan yang disediakan tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : Ya. Perkhidmatan pekerjaan yang dibekalkan oleh cawangan di Labuan kepada pelanggan yang berada di Labuan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana TPU bagi penyedia perkhidmatan terletak di kawasan utama kastam.

15. S : Sebuah agensi perkhidmatan pekerjaan dengan tempat perniagaan utama (TPU) di Kuala Lumpur telah berdaftar cukai perkhidmatan. Syarikat turut menyediakan perkhidmatan pekerjaan kepada pelanggannya di dalam Langkawi. Adakah perkhidmatan pekerjaan yang disediakan tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

- J : Ya. Penyediaan perkhidmatan pekerjaan oleh penyedia perkhidmatan dengan tempat utama perniagaannya di Malaysia kepada penerima perkhidmatan di Langkawi (KD) adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
16. S : **Aktiviti perniagaan S Sdn Bhd adalah membekalkan tenaga buruh bagi aktiviti penanaman kelapa sawit. M Ladang Sdn Bhd, sebuah syarikat penanaman dan pengeluaran kelapa sawit telah mendapatkan 100 tenaga buruh dari S Sdn Bhd bagi tempoh kontrak selama setahun. Adakah perkhidmatan penyediaan tenaga buruh oleh S Sdn Bhd kepada M Ladang Sdn Bhd tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**
- J : Ya. Perkhidmatan membekalkan tenaga buruh oleh penyedia perkhidmatan pekerjaan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan panduan ini sila berhubung dengan :

Bahagian Cukai Dalam Negeri (SST)
Cawangan Dasar Cukai Perkhidmatan
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Aras 6, Tower A, Suasana PjH,
Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2,
62100 Putrajaya

BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT MENGENAI SST

Informasi selanjutnya boleh didapati di :

- (i) Laman Web SST : <https://mysst.customs.gov.my>
- (ii) Pusat Panggilan Kastam
 - Hotline : 1-300-888-500
 - Telefon : 03-8882 2100/ 2300/ 2500
 - Email : ccc@customs.gov.my